

Polis lulus permohonan hospital

Akan buka laluan alternatif bagi kemudahan ambulans keluar masuk dari Hospital Banting

BANTING- Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat meluluskan permohonan pihak Hospital Banting yang mahu laluan alternatif bagi kegunaan ambulans dibuka.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir berkata, kelulusan itu dibuat berdasarkan kepentingan awam dan susulan perbincangan segera bersama Ketua Polis Selangor semalam, bagi menyelesaikan masalah pihak hospital yang membuat permohonan itu sejak lebih dua tahun lalu.

Menurutnya, pada asalnya, reka bentuk kawasan itu dibina bagi meletak barang kes termasuk kenderaan berat yang terlibat dalam kemalangan.

"Tapi selepas menerima pelbagai aduan, saya rasa laluan itu perlu diambulkan sahaja bagi melancarkan perjalanan mereka.

"Bagaimanapun, isu ini akan dibincangkan semula dalam mesyuarat tindakan daerah bagi susulan selanjutnya," katanya kepada *Sinar Harian* mengulas laporan akhbar ini, semalam mengenai gesaan pemandu ambulans minta laluan alternatif dibuka segera bagi

mengurangkan kesesakan.

Zailan berkata, atas kepentingan awam, pihaknya yakin usaha ini membuktikan pelbagai pihak peka dengan masalah setempat dan mahu meningkatkan keselamatan semua pihak.

Katanya, pihaknya juga membenarkan ambulans menggunakan laluan itu untuk keluar dan masuk bagi keselamatan pesakit.

MDKL harap ada jalan penyelesaian

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, beliau menganggap jika perlu laluan itu dibuka untuk keselamatan semua pihak, ia perlu dilakukan, namun perlu mendapat sokongan pelbagai jabatan.

Katanya, beliau yakin laluan itu membantu keselamatan pesakit dan melancarkan perjalanan lalu lintas.

"Saya lihat kawasan itu memang sesak dan sekiranya ada jalan penyelesaian membantu mengurangkan kesesakan, itu adalah baik.

"Jika pihak IPD telah meluluskan, itu adalah satu tanggungjawab sosial kepada semua pihak demi menjamin keselamatan dan orang awam perlu patuh," katanya.

Bagi Ahli Majlis MDKL Zon 21, Lim Tou Yin berkata, beliau sendiri pernah terlibat dalam kemalangan kecil apabila melalui laluan hadapan hospital berkenaan.

Katanya, beliau menyokong sekiranya laluan tersebut dibuka segera bagi kepentingan semua pihak.

"Ambulans perlu ada laluan alternatif bagi menjaga keselamatan pesakit.



Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Ab Rahman (tiga, kanan) dan wakil-wakil dari hospital bersama Sulaiman (kanan) dan Abdul Razak (dua, kiri) ke lokasi cadangan laluan alternatif yang perlu dibuka.



Laporan *Sinar Harian*, semalam.

"Urusan hospital juga akan jadi mudah tanpa menunggu lama semata-mata untuk keluar dari hospital membawa pesakit," katanya.

ALP ucap terima kasih

Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Hospital Banting, Abdul Razak



Laluan alternatif ini bakal dibuka untuk kegunaan ambulans.

Khasbullah berkata, beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada polis Selangor dan IPD Kuala Langat kerana meluluskan permohonan pihak hospital.

Katanya, beliau mewakili hospital akan memanjangkan perkara ini kepada pihak terlibat termasuk surat susulan kepada IPD Kuala Langat mengenai perancangan seterusnya termasuk permohonan peruntukan.

"Saya nak tengok laluan itu dapat melancarkan perjalanan ambulans yang membawa pesakit.

"Sebelum ini, beberapa permohonan telah dibuat, namun masih gagal diambil tindakan, tapi selepas tinjauan Pengarah Hospital dan Pengerusi Pembangunan Luar



TOU YIN

Bandar Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli turun padang tinjau lokasi kelmarin... kami rasa perlu buat susulan semula," katanya yang lega apabila permohonan tersebut diambil tindakan segera.

Semalam, *Sinar Harian* melaporkan rungutan pemandu ambulans yang meminta laluan alternatif dibuka.

Sebelum ini juga pelbagai wakil rakyat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin politik pernah tampil memohon laluan tersebut dibuka namun tiada keputusan dibuat sehingga semalam, IPD Kuala Langat memutuskan membenarkan laluan itu dibuka dalam masa terdekat.



ZAILAN



Dr Sabrina turut melihat laluan yang bakal digunakan ambulans jika laluan alternatif dibuka.



Anggota Bomba dan Penyelamat bersama kakitangan Hospital Banting, memindahkan pesakit ke lori HICOM untuk mendapatkan rawatan di HTAR Klang, semalam.

[FOTO IHSAN BOMBA DAN PENYELAMAT]

Lori lima tan pindah pesakit denggi 150kg

» Hospital minta khidmat khas bomba bawa mangsa dari Banting ke Klang

Oleh **Norashikin Leman**
bhnews@bh.com.my

► Banting

Seorang pesakit denggi yang mempunyai berat badan 150 kilogram (kg) terpaksa mendapat bantuan lori HICOM lima tan milik Ba-

lai Bomba dan Penyelamat (BBP) KLIA untuk dipindahkan dari Hospital Banting ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, kelmarin.

Siti Suhana Mohamad Nasarudin, 37, menerima rawatan di Hospital Banting sejak tiga hari lalu, namun perlu dirujuk ke HTAR untuk rawa-

tan lanjut.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata BBP KLIA menerima panggilan daripada pegawai perubatan Hospital Banting pada jam 4 petang yang meminta bantuan untuk membawa pesakit itu.

Guna lori HICOM

“Pihak hospital meminta khidmat khas untuk membawa pesakit ini kerana tidak dapat dibawa menggunakan ambulans. Operasi yang dilakukan pada jam 5.52 petang ini menggunakan lori HICOM yang mempunyai kemudahan kelengkapan untuk membawa pesakit obesiti.

“Lima anggota bomba terbabit dalam operasi itu dengan dibantu kakitangan hospital dan polis memandangkan lori ini tiada siren kecemasan,” katanya ketika dihubungi *BH* di sini, semalam.

“Selain kerja memadam kebakaran, bomba bersedia memberikan sebarang bantuan diperlukan tanpa mengira masa,” katanya.

“Pihak hospital meminta khidmat khas untuk membawa pesakit ini kerana **tidak dapat dibawa menggunakan ambulans**”

Mohd Sani Harul,
Penolong Pengarah Operasi
Jabatan Bomba dan
Penyelamat Selangor